



KENYATAAN MEDIA

PEMANTAUAN PROGRAM VAKSINASI KEBANGSAAN BAGI PELAJAR-PELAJAR BERUMUR 12 HINGGA 17 TAHUN DAN PERSEDIAAN FASA PERALIHAN

Khamis, 11 November 2021 – Sebagaimana yang dimaklumi, Program Vaksinasi Kebangsaan Bagi Pelajar-Pelajar yang berumur 12 hingga 17 tahun, atas kerjasama Kementerian Pendidikan bersama Kementerian Kesihatan, telah bermula pada hari Isnin, 3 Rabiulakhir 1443 bersamaan 8 November 2021 yang lalu.

Setakat hari Khamis, 11 November 2021, jam 3.00 petang, seramai **17,762** orang pelajar terdiri dari kalangan mereka yang bersekolah di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Sekolah-Sekolah Swasta dan Sekolah-Sekolah Antarabangsa telah menerima dos pertama vaksin COVID-19.

Di daerah Brunei dan Muara, seramai 11,805 orang menjalani vaksinasi. **Di daerah Temburong**, seramai 1,074 pelajar. Manakala seramai 2,698 orang pelajar menerima dos pertama vaksin mereka di **daerah Tutong**. **Di daerah Belait** pula, seramai 2,185 orang pelajar telah menerima vaksinasi.

Sepanjang program ini dilaksanakan, Kementerian Pendidikan telah pun menugaskan pegawai-pegawai dan guru-guru pengawas bagi membantu petugas di lokasi-lokasi vaksinasi bagi memudahkan proses pendaftaran untuk para ibu bapa dan khasnya para pelajar. Pihak Kementerian Pendidikan juga menyediakan kemudahan pengangkutan untuk pelajar-pelajar ke pusat-pusat vaksinasi.

Dalam kesempatan ini juga, pihak Kementerian ingin memaklumkan bahawa terdapat dua perubahan kepada jadual vaksinasi pelajar:

- i. Perubahan pertama ialah pada hari Jumaat, 7 Rabiulakhir 1443 bersamaan dengan 12 November 2021 yang mana akan melibatkan 11 buah sekolah dan 699 orang pelajar.

- ii. Sementara perubahan kedua ialah pada hari Sabtu, 8 Rabiulakhir 1443 bersamaan dengan 13 November 2021 yang akan melibatkan seramai 1,105 orang pelajar dari 14 buah sekolah swasta dan institusi kerajaan. Tarikh dan lokasi bervaksin yang baru telah pun dimaklumkan kepada sekolah-sekolah berkenaan. Ibu bapa dan penjaga telah dihubungi dan dinasihatkan untuk merujuk terus mengenai perkara ini kepada sekolah-sekolah berkenaan atau boleh merujuk terus ke laman web rasmi Kementerian Pendidikan.

Dalam masa yang sama, mengambil kira persediaan ke Fasa Peralihan yang akan berlaku di masa yang terdekat ini, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menyediakan garis panduan bagi institusi-institusi pendidikan teknikal dan pengajian tinggi, dan pusat-pusat latihan awam dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, mengikut Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19.

Dalam Fasa Peralihan itu nanti, pembukaan institusi-institusi pendidikan teknikal dan pengajian tinggi, serta pusat-pusat latihan awam dan swasta adalah mengikut garis panduan berikut:

- i. Pertama, **Sekatan Kapasiti** dibenarkan beroperasi dengan had kapasiti 50% mengikut keluasan tempat dalam satu-satu masa.
- ii. Kedua, **Protokol Kemasukan** di mana hanya individu yang lengkap mendapat 2 dos vaksin sahaja akan dibenarkan untuk hadir ke premis-premis berkenaan. Bukti pengesahan vaksinasi hendaklah ditunjukkan. Di samping itu, semua individu adalah diperlukan untuk menjalani ujian ART sekali setiap minggu dengan keputusan negatif. Turut dilaksanakan adalah keperluan am yang lazim seperti pemakaian sungkup muka atau *face mask* bagi semua individu; pengimbasan Kod QR dengan menggunakan aplikasi *BruHealth* sebelum memasuki premis awam dan hanya mereka yang mempunyai kod *BruHealth* warna hijau dan kuning sahaja dibenarkan masuk dengan kad pengenalan ditunjukkan sebagai pengesahan serta lain-lain keperluan yang berkaitan dalam memastikan Garis Panduan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam adalah sentiasa dipatuhi.

Semasa Fasa Peralihan ini nanti juga, guru-guru di Pra-sekolah, Sekolah Rendah, Menengah, Maktab dan Pusat Tingkatan Enam, awam dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Sekolah Antarabangsa, adalah dibenarkan untuk kembali ke sekolah masing-masing dengan had kapasiti 50% dari jumlah warga sekolah dalam satu masa serta menggunakan *Business Continuity Plan (BCP)* masing-masing. Perkara ini adalah bagi memberikan guru-guru kesempatan untuk membuat persediaan pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan menjelang tahun akademik 2022 yang baru.

Di kesempatan ini, pihak Kementerian Pendidikan merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pasukan petugas di pusat-pusat vaksinasi, pegawai-pegawai dan guru-guru pengawas yang bertugas, para ibu-bapa dan penjaga yang telah memberi kerjasama penuh dan padu dalam sama-sama memastikan kelancaran pelaksanaan program vaksinasi ini. Kementerian juga menyeru kepada pihak-pihak berkepentingan untuk terus memberikan sokongan dan kerjasama yang telah kita saksikan pada hari ini dan akan datang agar berlanjutan di sepanjang program ini dilaksanakan demi keselamatan pelajar khususnya dan juga kesejahteraan masyarakat.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KPE/CCD/K1:2/PR/88

Tarikh: 6 Rabiulakhir 1443H / 11 November 2021M